

Syarikat pembinaan gagal dalam prosedur kerja selamat didenda

LIMBANG: Sebuah syarikat pembinaan dijatuhi hukuman denda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Limbang pada 5 Ogos lepas kerana gagal melaksanakan prosedur kerja selamat bagi pengendalian jengkaut di kawasan cerun bukit sehingga menyebabkan kemalangan maut ke atas seorang pengguna jalan raya pada 13 Julai lepas.

Pejabat Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sarawak dalam satu kenyataan semalam berkata, syarikat berkenaan mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Cindy Mc Juce Balitus.

Katanya, syarikat tersebut telah dituduh di bawah Seksyen 18A(4) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana gagal mengadakan prosedur kerja selamat bagi pengendalian jengkaut di kawasan cerun bukit sehingga menyebabkan kemalangan maut ke atas seorang wanita di jalan raya pada 13 Julai 2025 di sekitar Jalan Pandaruan, Limbang.

"Pada hari kejadian, jengkaut yang dikendalikan operator telah hilang kawalan lalu menggelongsor menuruni cerun bukit dan melanggar tiang.

"Tiang tersebut tumbang ke atas jalan raya dan mangsa yang sedang melalui jalan itu

kemudiannya telah melanggar tiang tersebut," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, syarikat tersebut diwakili pegawai keselamatan dan kesihatannya telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM40,000.

"JKKP Sarawak tidak berkompromi serta tegas terhadap mana-mana kegagalan dalam memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 demi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat," katanya.